

# Kaedah Fiqh dalam Sains Teknologi & Kejuruteraan dalam Islam



MOHD FAIZAL BIN MAT PESA  
MUHAMMAD FIRDAUS BIN MOHD RAMLEE

JABATAN PENGAJIAN AM  
POLITEKNIK MELAKA



# **Kaedah Fiqh Dalam Sains Teknologi & Kejuruteraan dalam Islam**



**MOHD FAIZAL BIN MAT PESA  
MUHAMMAD FIRDAUS BIN MOHD RAMLEE**

**JABATAN PENGAJIAN AM  
POLITEKNIK MELAKA**

# PENULIS

dalam




**MOHD FAIZAL MAT PESA  
PENSYARAH UTAMA  
JPA PMK**



**MUHAMMAD FIRDAUS MOHD RAMLEE  
PENSYARAH  
JPA PMK**





# HAK CIPTA



Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dengan apa jua bentuk dan cara sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau apa cara sekalipun sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Politeknik Melaka. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti dan honorarium.

## PENULIS:

MOHD FAIZAL BIN MAT PESA

MUHAMMAD FIRDAUS BIN MOHD RAMLEE

## EDITOR:

MOHD FAIZAL BIN MAT PESA

## EDISI PERTAMA 2024

Diterbitkan di Malaysia oleh:

PENERBIT POLITEKNIK MELAKA

No.2, Jalan Ppm 10, Plaza Pandan Malim, 75250 Melaka

Telephone No: 06-3376000

Fax No: 06-3376007



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan


Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-7678-07-8




# SEKAPUR SIRIH



Aṣsalamualaikum WBT  
Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah  
S.W.T kerana dengan keizinan-Nya,  
penerbitan e-Book Interaktif Jabatan  
Pengajian Am Politeknik Melaka ini telah  
berjaya diterbitkan untuk pertama kali.

Saya percaya dalam menjayakan  
penerbitan e-Book ini, pelbagai rintangan  
dan halangan telah dilalui oleh semua  
pihak. Justeru, saya merakamkan ucapan  
syabas dan tahniah kepada semua penulis  
e-Book dan sidang editor kerana  
bertungkus lumus menggembung tenaga  
dan fikiran membuat penulisan dan  
suntingan bagi menzahirkan penerbitan  
e-Book Interaktif pada kali ini.

Sekian Terima Kasih.



**ZAIDI BIN OTHMAN, AMN  
PENGARAH  
POLITEKNIK MELAKA**

## PRA KATA



### Kata-kata Aluan

Salam Malaysia Madani  
Pada kesempatan ini saya ingin  
megucapkan tahniah kepada  
pensyarah Jabatan Pengajian Am  
kerana telah berjaya menghasilkan  
sebuah e-Book Interaktif. Kepujian  
juga harus diberikan kepada semua  
ahli Jawatankuasa terlibat kerana  
dalam kesibukan menjalankan tugas  
sebagai pensyarah, mereka masih  
berpeluang untuk menyumbangkan  
bahan yang amat berharga untuk  
warga Politeknik  
Sekian


**TS. DR. KANNAN A/L RASSIAH  
 PENYELARAS E-PEMBELAJARAN  
 POLITEKNIK MELAKA**

## SINOPSIS

Kaedah Fiqh dalam Sains, Teknologi Dan Kejuruteraan dalam Islam Ini merupakan salah satu daripada 5 bab dalam kursus MPU23052 - Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam yang membincangkan tentang pengertian kaedah fiqh, peranan kaedah fiqh dan aplikasinya menurut perspektif islam masa kini. Keunikan e-Book ini dilengkapi dengan penilaian kendiri, maklumbalas kendiri, latihan setiap bab, video interaktif dengan hanya menggunakan kod QR dan berpandukan sukatan kursus terkini Politeknik Malaysia. Harapan penulis supaya e-book ini akan memberi manfaat kepada pelajar kejuruteraan Politeknik khususnya dan masyarakat umumnya dan menjadi sebahagian amal jariah penulis dan diganjari pahala yang berterusan.



# KANDUNGAN



Bil	Tajuk	M/s
1	Pengertian kaedah Fiqh	1
2	Peranan kaedah Fiqh dalam sains, teknologi dan kejuruteraan	2
3	Konsep asas kaedah Fiqh yang bertepatan dengan sains dan teknologi	3
4	Kaedah fiqh 1: Setiap perkara dinilai berdasarkan niat	4-9
5	Kaedah fiqh 2: Perkara yang yakin tidak dihilangkan dengan syak	10-17
6	Kaedah fiqh 3: Kesukaran sebab kepada kemudahan dan keringanan	18-22
7	Kaedah Fiqh 4: Kemudaratan hendaklah dihapuskan	23-27
8	Kaedah fiqh 5: Adat dijadikan sebagai rujukan Hukum	28-31
9	Soalan latih tubi	32
10	Latihan topik & Jawapan	33-34
11	Latihan-wordwall	35
12	Latihan 1-Penilaian kendiri	36
13	Maklumbalas penilaian kendiri	37-38
14	Latihan 2	39-40
15	Latihan 3	41-42
16	Jawapan L2 & L3	43
17	Rujukan	44-45

# KAEDAH FIQH


## DALAM SAINS TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN ISLAM



### OBJEKTIF PENGAJARAN

Memahami Kaedah Fiqh dalam sains teknologi dan kejuruteraan:

- 1-Menerangkan pengertian Kaedah Fiqh.
- 2-Membincangkan peranan Kaedah Fiqh dalam sains teknologi dan kejuruteraan.
- 3-Membincangkan konsep asas Kaedah Fiqh yang bertepatan dengan sains teknologi dan kejuruteraan



# PENGERTIAN KAE DAH FIQH

## 01 Bahasa

Berasal daripada bahasa Arab iaitu qa'idah yang membawa maksud asas sesuatu dan asalnya. fiqh yang mana ia membawa maksud al-fahmu iaitu suatu kefahaman.

## 02 Istilah

Kaedah fiqh ialah prinsip-prinsip fiqh yang bersifat umum dalam bentuk nas pendek yang berbentuk hukum umum yang sesuai dengan bahagian-bahagiannya.

## 03 Kaedah Fiqh

Asas-asas atau prinsip-prinsip fiqh yang bersifat menyeluruh dalam bentuk nas-nas dan teks-teks perundangan yang ringkas yang merangkumi hukum-hukum yang disyariatkan secara umum mengenai atau tentang perkara-perkara yang tergolong di dalam lingkungannya.



# Peranan Kaedah Fiqh dalam Sains, Teknologi dan Kejuruteraan

**01.**

Alat untuk  
membangunkan  
Sains




**02.**

Garis panduan kepada  
ahli sains dalam  
melaksanakan uji kaji.



**03.**

Pendorong  
kemajuan Sains



**04.**

Membuka akal  
manusia untuk  
menguasai Sains



**05.**

Membezakan teknologi yang  
diharuskan dan yang haram



**06.**

Mengembangkan hukum  
syarak mengikut  
keperluan manusia





# KONSEP ASAS KAEDEAH FIQH YANG BERTEPATAN DENGAN SAINS TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN.

**Setiap Perkara  
Dinilai Berdasarkan  
Niat**  
(الْأُمُورُ بِمَقَاصِدِهَا)

01

**Perkara Yang Yakin Tidak.  
Dihilangkan Oleh Keraguan**  
(الْيَقِينُ لَا يُزَالُ بِالشَّكِّ)

02

**Kesusahan Membawa  
Kemudahan**  
(المشقة تجلب التيسير)

03

**Kemudaratan hendaklah  
dihapuskan**  
(الْضَّرْرُ يُزَالُ)

04

**Adat dijadikan hukum**  
(الْعَادَةُ مُحَكَّمَةٌ)

05



# KAEDAH I

## Setiap Sesuatu Itu Bergantung Kepada Tujuannya

الامور بمقاصدها



01

Dalil Hadis Riwayat saidina Umar  
al-Khattab

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ اِمْرِيٍّ مَا نَوَى

02



Maksud Hadis

### NIAT

itu seperti **SURAT**.  
Salah tulis **ALAMAT**  
akan sampai salah  
**TEMPAT**.



Maksud kaedah

setiap amalan seseorang sama ada pertuturan atau perbuatan, maka kedudukan atau hukum bagi amalan tersebut adalah bergantung kepada niat atau tujuannya.

# MAKSUD NIAT & KEPENTINGANNYA

Maksud niat:  
suatu lintasan dalam  
hati untuk  
melaksanakan  
sesuatu perkara



## Kepentingan Niat


Niat diperlukan bagi membezakan antara:

01  
bermanfaat atau  
bermafsadah

02  
ibadat dan adat

03  
berpahala atau  
berdosa

# PERBINCANGAN KAEDAH



01

Amalan selain adat seperti beriman kepada Allah swt tidak perlukan niat kerana ia sudah dimaklumi berbeza dengan yang lain.

02

Ibadah khusus seperti solat tidak disyaratkan niat ibadat kecuali bagi klasifikasi solat sama ada solat zohor atau asar

03

Niat diperlukan bagi menentukan jenisnya samada wajib seperti nazar dan kaffarat atau sunat contohnya puasa.

04

Ibadah khusus seperti solat tidak disyaratkan niat ibadat kecuali bagi penentuan jenisnya sama ada fardu atau sunat



**INFO TAMBAHAN  
SILA SCAN QR CODE**



**ADAKAH AMALAN BAIK  
TERGANTUNG?**

# Syarat-syarat sesuatu amalan dikira sebagai Ibadah dalam aspek Sains, Teknologi dan Kejuruteraan



01

**Kajian, rekaan dan penyelidikan hendaklah bertujuan baik dan menepati syarak. Contohnya menghasilkan telefon pintar yang boleh memudahkan dan membantu kerja manusia.**

02 **Setiap perancangan dan pelaksanaan bagi mencapai matlamat di atas hendaklah disusun dengan baik dan menepati kualiti syarak dan semasa. Contohnya menghasilkan sistem pengurusan yang mampu menjadikan kerja tersusun dan efektif.**




## Syarat-syarat sesuatu amalan dikira sebagai Ibadah dalam aspek Sains,Teknologi dan Kejuruteraan

03

MENDAHULUKAN SESUATU YANG TERPENTING DARIPADA YANG PENTING SEBAGAIMANA YANG DIMINTA OLEH TUJUAN SYARIAT.


CONTOHNYA MENYELAMATKAN NYAWA RAMAI MANUSIA MENJADI KEUTAMAAN DALAM MENGHASILKAN KENDERAAN BERBANDING UNTUK TUJUAN KEUNTUNGAN.



## VIDEO

# Setiap Sesuatu Itu Bergantung Kepada Tujuannya

الامور بمقاصدها



**Asbabul  
Wurud(sebab turun  
hadis)**



**Masuk Qurban Satu Bahagian Tapi Niat Satu Keluarga. Boleh ke?**

### INFO TAMBAHAN



Masuk Qurban Satu Bahagian Tapi Niat Satu Keluarga - Ustaz Azhar Idrus Official



Share



A video thumbnail showing Ustaz Azhar Idrus speaking at a podium with microphones. A large red YouTube play button icon is overlaid on the video frame.

Watch on
 YouTube

## KAEDAH 2

Perkara Yang Yakin Tidak.  
Dihilangkan Oleh Keraguan  
(الْيَقِينُ لَا يُزَالُ بِالشُّكُّ )



Maksudnya ialah sesuatu perkara yang tidak~~×~~ diyakini berlaku atau tidak berlaku , maka~~×~~ sebarang keraguan yang datang kemudian untuk~~×~~ meragui keyakinan itu tidak diambil kira. Ia juga~~×~~ bermaksud yang asal dan yakin itu tidak boleh~~×~~ ditinggalkan hukumnya disebabkan oleh syak dan~~×~~ ragu-ragu.






## DALIL HADITH

Daripada Abu Sa'id al-Khudri yang diriwayatkan oleh Muslim. Nabi bersabda:

إِذَا شَكَّ أَحَدُكُمْ فِي صَلَاتِهِ فَلَمْ يَذْرِكْمْ صَلَّى؟ ثَلَاثًا أَمْ أَرْبَعًا؟ فَلْيَعْتَرِجْ  
أَلْشَكَ وَلْيَبْنِ عَلَى مَا اسْتَيْقَنَ

## MAKSUD HADITH

Jika seseorang kamu ragu-ragu ketika sembahyangnya, ia tidak ingat berapa rakaatkah yang telah dilakukannya: tiga atau empat? Maka ketepikanlah keraguan tersebut dengan keyakinan".



## VIDEO KAEADAH 2

### Perkara Yang Yakin Tidak Dihilangkan Oleh Keraguan

( الْيَقِينُ لَا يُزَالُ بِالشَّكِّ )



### INFO TAMBAHAN

Bab Keraguan dan syak ketika solat



# PERBINCANGAN KAE DAH


13

01

Keyakinan mestilah berdasarkan sandaran atau sumber yang jelas dan tiada keraguan padanya

02

keraguan menjadi punca kegagalan dalam penyelidikan, pendirian manusia kerap berubah dan berlaku permusuhan



03

Aspek sains teknologi dan kejuruteraan, maka kaedah ini menuntut suatu keyakinan kepada ilmu yang dimiliki secara benar mampu menghasilkan keputusan dan tindakan yang benar dan penuh keyakinan


Para saintis , teknokrat dan jurutera hendaklah berkeyakinan bahawa segala usaha mereka adalah memenuhi tujuan syariat iaitu untuk memelihara agama, nyawa , akal, keturunan dan harta manusia .



## APLIKASI KAEDAH

Dalam isu wuduk, seseorang yang telah selesai mengambil wuduk kemudian dia berasa sangsi dan ragu-ragu sama ada wuduknya telah terbatal atau tidak, maka hendaklah dia berpegang dengan keyakinan bahawa dia **masih berada dalam keadaan taharah** (suci dari hadas).





02

## APLIKASI KAEADAH

- Dalam isu talak, sekiranya seseorang itu berasa ragu-ragu sama ada dia menceraikan isterinya atau tidak, **maka tidak berlaku talak dalam keadaan ini.** Kerana perasaan syak itu tidak memberi kesan kepada keyakinan yang sedia ada iaitu mereka masih merupakan pasangan suami isteri. Maka perkahwinan tidak gugur semasa berlakunya syak dalam perceraian. Kerana pensabitan sesuatu itu sama ada berlaku atau tidak hanyalah menerusi keyakinan dan kepastian.



## PERMASALAHAN YANG DIKECUALIKAN DARI KAEDAH 'KEYAKINAN TIDAK HILANG DENGAN ADANYA SYAK'



01

- Apabila seseorang yang menyapu ke atas khuf itu syak sama ada telah tamat ataupun belum lagi tempoh sapuan iaitu sehari semalam bagi yang bermukim dan tiga hari tiga malam bagi yang bermusafir, maka dalam kes ini kita perlu mengambil kira telah tamatnya tempoh.



## PERMASALAHAN YANG DIKECUALIKAN DARI KAE DAH 'KEYAKINAN TIDAK HILANG DENGAN ADANYA SYAK'

02

- Sekiranya ada seekor haiwan yang kencing di dalam air yang berkuantiti banyak, kemudian air itu berubah sifatnya, dan seseorang itu tidak tahu adakah air tersebut berubah dengan air kencing atau perkara lain **maka ia dihukum sebagai najis**.



03

- Jika seseorang itu bertayammum disebabkan ketiadaan air kemudian dia melihat sesuatu yang dia tidak pasti adakah ia fatamorgana atau air **maka batal tayammumnya**.



# 3. Kesukaran Sebab Kepada Kemudahan dan Keringanan

الْمَشْقَةُ تَجْلِبُ | لَتَّيْسِيرًا

## Maksud

Kesukaran atau kesulitan dalam kaedah ini merujuk kepada situasi kesukaran yang melampaui tahap kebiasaan manusia.

Dalam melaksanakan kewajipan syarak, adakalanya akan timbul kesukaran tertentu sehingga boleh menyebabkan kesulitan atau kemudaratian dalam perlaksanaan ibadah tersebut.

## Contoh

Boleh berbuka puasa di bulan Ramadan disebabkan sakit yang melampau atau diberi kelonggaran untuk tidak berpuasa.

## Dalil

Sumber rujukan bagi kaedah ini adalah berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

(“Dan ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama”)



# Perbincangan Kaedah

## I. Elemen kesukaran yang menjadi sebab diberikan keringanan dan kemudahan adalah:-

### 1. Kekurangan

Keadaan kekurangan yang ada atau berlaku pada diri seseorang seperti gila sehingga kembali normal, kanak-kanak sehingga baligh dan orang yang tidur sehingga dia terjaga.

### 3. Sakit

Sakit yang dialami seseorang menjadi sebab dia diberikan kemudahan untuk memilih kaedah yang sesuai bagi melaksanakan kewajipannya.

Contoh, pesakit dibenarkan bertayammum sekiranya penggunaan air untuk berwuduk boleh memudaratkan dirinya.

### 2. Jahil

Seseorang yang berada dalam keadaan tidak mengetahui perkara sebenar. Hanya diketahui setelah terjadinya perkara tersebut.

### 4. Musafir

Bermusafir dengan tujuan yang diharuskan syarak membolehkan seseorang menggunakan kemudahan dan keringanan di bawah kaedah fiqh ini sekiranya permusafiran tersebut menimbulkan kesukaran baginya.

Contoh, Musafir dibolehkan melaksanakan solat jamak dan qasar mengantikan solat fardhu yang biasa.



## 5. Terlupa

Terlupa dalam menjalankan sesuatu ibadah atau terlupa dalam sesuatu perkara tidak menyebabkan seseorang itu menanggung dosa.

Contoh, Tidak berdosa seseorang yang makan pada siang hari di bulan Ramadan kerana terlupa sedang berpuasa.



## 6. Dipaksa

Paksaan yang dikenakan kepada seseorang menyebabkan gugur ke atasnya kewajipan dalam agama demi menyelamatkan akidah, iman, nyawa dan lain-lain maqasid syariah.



## 7. Umum al-Balwa


Merupakan suatu perkara yang berleluasa yang sukar untuk dielak dan memberikan kepayahan kepada majoriti orang Islam untuk menghindarinya.

Syarat umum al-Balwa adalah:-

- i) Keperluan kepada perbuatan atau kerja tersebut dilakukan secara berulang kali.
- ii) Perkara tersebut memberikan kesukaran yang luar biasa.

Contoh, bersuci menggunakan air yang ada lumut dan tanah. Air tersebut boleh digunakan untuk bersuci meskipun telah berubah kerana kedua-duanya sukar untuk dielak di dalam air.





## II. Dimensi Rukhsah (kemudahan atau keringanan) yang dibenarkan syarak adalah:-

### 1. Digugurkan

Hukum tertentu gugur kerana kesukaran yang dialami. Contoh, dibenarkan meninggalkan puasa di bulan Ramadan disebabkan sakit yang berat.

### 2. Dikurangkan

Pengurangan dalam ibadah apabila timbul kesukaran yang menjelaskan tujuan sesuatu. Contoh, dibenarkan mengurangkan solat fardhu empat rakaat kepada dua rakaat sahaja.

### 3. Diganti

Kesukaran yang dihadapi semasa melaksanakan ibadah boleh diganti dengan alternatif yang lain. Contoh, Wuduk digantikan dengan tayammum.

### 4. Didahulukan

Dbolehkan mengawalkan sesuatu ibadah yang belum masuk waktunya disebabkan kesukaran tertentu. Contoh, solat Asar dalam waktu Zohor ketika bermusafir.

### 5. Ditangguhkan

Dbolehkan melewatkam sesuatu ibadah ke masa hadapan disebabkan kesukaran tertentu. Contoh, solat Zohor dalam waktu Asar ketika bermusafir.




# Aplikasi Kaedah Kesukaran Sebab Kepada Kemudahan dan Keringanan Dalam Sains, Teknologi dan Kejuruteraan

1. Penggunaan kaedah ini dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan terikat kepada prinsip-prinsip syariah dan juga bergantung kepada tujuan sains, teknologi dan kejuruteraan tersebut.
2. Keutamaan menggunapakai kaedah ini dalam penciptaan sains, teknologi dan kejuruteraan mestilah untuk kepentingan manusia sejagat.
3. Sebelum menggunapakai kemudahan (rukhsah) ini untuk segala kesukaran yang timbul dari proses kajian dan penyelidikan hendaklah terlebih dahulu merujuk kepada syarat-syarat yang membenarkan rukhsah tersebut digunakan.
4. Syarat untuk menggunapakai rukhsah ini adalah apabila suatu tujuan yang sangat diperlukan oleh manusia di dunia ini terhalang oleh suatu kesukaran dan kesulitan yang ada.
5. Had menggunapakai kaedah ini tiada batas waktu. Namun tempoh masa menggunakan rukhsah adalah bergantung kepada selama mana kesukaran tersebut masih lagi ada.
6. Kaedah ini tidak boleh diambil mudah dengan sewenang-wenangnya menggunapakai segala bentuk rukhsah yang ada sebelum pelbagai usaha lain telah dilakukan terlebih dahulu untuk mengatasi kesukaran tersebut.
7. Keutamaan penggunaan kaedah ini dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan adalah kepada perkara-perkara yang melibatkan maqasid syariah iaitu yang boleh memudaratkan agama, nyawa, akal, maruah, keturunan dan harta.
8. Sifat jujur dan tanggungjawab dituntut kepada saintis dan jurutera dalam kerja mereka. Pertimbangan menggunakan rukhsah atas sesuatu perkara dibuat hendaklah benar bagi tujuan kebaikan dan untuk menghilangkan kesukaran.

# 4. KEMUDARATAN HENDAKLAH DIHAPUSKAN

الضرر يزال



Kemudaratan dalam kaedah ini merujuk kepada perkara yang merbahaya dan memberi ancaman kepada kehidupan asas manusia yang berkaitan dengan *maqasid syariah* iaitu agama, nyawa, akal, maruah, keturunan dan harta.



Kaedah ini berdasarkan hadis Nabi s.a.w oleh Imam Suyuti iaitu:

"Tidak melakukan kemudaratan dan membala dengan kemudaratan".

Islam melarang segala perbuatan yang boleh membahayakan sama ada kepada diri, orang lain dan alam sekitar. Islam juga turut mengharamkan tindak balas terhadap pihak lain yang boleh membawa kepada kemudaratan.



Tahap kemudaratan ditentukan dengan melihat kepada kesan buruk dari perspektif Islam, sistem nilai dan norma masyarakat yang selari dengan prinsip syariat.



## Etika Pakaian



Islam telah mengkhususkan cara berpakaian yang berlainan antara lelaki dengan wanita.



Ketidakpatuhan kepada peraturan ini membawa kepada kemudaratan yang mengancam sistem nilai dalam kehidupan manusia.

### Contoh Kaedah Kemudaratan Hendaklah Dihapuskan



Islam membenarkan fesyen dalam berpakaian bagi meraikan konsep kecantikan dan keindahan.



Tetapi fesyen pakaian menjolok mata yang boleh merosakkan akal dan hati dilarang dalam Islam walaupun ramai menganggap mengikut aliran semasa.

# APLIKASI KADEAH KEMUDARATAN HENDAKLAH DIHILANGKAN DALAM SAINS, TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN

- Kemajuan sains, teknologi dan kejuruteraan telah banyak meningkatkan taraf kehidupan manusia. Kehidupan menjadi lebih selesa dan kerja-kerja menjadi lebih mudah dan cepat dilakukan serta diselesaikan berbanding suatu ketika dahulu.
- Cara pengurusan kehidupan manusia pada hari ini menjadi bukti bahawa ciptaan sains, teknologi dan kejuruteraan telah banyak membantu dalam menghilangkan kemudaratan dan kesukaran dalam kehidupan manusia.
- Contoh pertama, kewujudan telekomunikasi dan kemajuan ICT menjadikan perhubungan sesama manusia menjadi lebih dekat dan cepat. Kesukaran untuk berhubung sebelum adanya peralatan komunikasi ini telah dihapuskan dan kehidupan manusia menjadi lebih maju.
- Namun perlu waspada, seiring dengan kemajuan teknologi komunikasi dan ICT yang dinikmati ini akan timbul pula kemudaratan yang lain.
- Terdapat segelintir manusia yang akan menyalahgunakan teknologi demi mengaut keuntungan sendiri. Jenayah siber seperti kegiatan *scammer*, penyebaran maklumat palsu, pornografi, buli siber, penggodaman, sebaran virus dan lain-lain hasil dari ketiadaan kawalan iman dan akhak mahmudah.
- Dibimbangi ciptaan sains dan teknologi hanya memudahkan sementara kehidupan manusia sebaliknya kemudaratan yang timbul daripadanya berkali ganda.
- Oleh itu, jangan jadikan kemudahan sains dan teknologi hanya sekadar untuk memberi kesenangan dan kemudahan kehidupan duniawi semata-mata sebaliknya digunakan juga sebagai medium untuk menambah bekal amalan untuk akhirat.



Oleh kerana Kaedah ini membolehkan sesuatu kemudaratan itu dihilangkan, maka penggunaannya membenarkan sesuatu yang pada asalnya hukumnya haram dan dilarang untuk dilakukan.



Contoh kedua, harus hukumnya bagi doktor lelaki melihat aurat pesakit wanita sekadar yang perlu sahaja bagi tujuan rawatan dan perubatan atau semasa kecemasan. Dengan syarat tiada doktor wanita yang memiliki kepakaran tersebut atau bertugas pada waktu itu.



Contoh ketiga, penggunaan arak sama ada sebagai minuman, digunakan dalam masakan atau apa juu perkara dalam keadaan biasa adalah haram hukumnya. Namun jika digunakan sebagai penawar seandainya tiada ubatan yang lain, maka penggunaannya dibolehkan.



Pecahan yang terbit daripada Kaedah utama ini adalah **kemudaratan tidak boleh dihilangkan dengan kemudaratan yang lain**. Seseorang tidak boleh mendatangkan sesuatu bahaya yang sama walaupun dalam bentuk yang berbeza atau kepada orang lain.



Contoh ketiga, seseorang yang berada dalam keadaan darurat seperti kelaparan yang tidak ada makanan tidak boleh mengambil dan memakan makanan orang lain yang berada dalam situasi yang sama sepertinya.

Kaedah pecahan yang terbit daripada Kaedah utama ini adalah "*menolak kerosakan menjadi keutamaan daripada mengambil kebaikan*".

Kaedah ini menghendaki segala penciptaan dan inovasi dalam sains, teknologi dan kejuruteraan untuk lebih utama menghapuskan kemudaratan berbanding mendapatkan kebaikan.

Justeru, saintis dan jurutera mestilah menetapkan prinsip utama dalam penyelidikan mereka adalah untuk menghilangkan kesukaran dan kemudaratan terlebih dahulu berbanding untuk mencari nilai kebaikan, kesenangan dan keselesaan.

Secara ringkasnya, kaedah ini menunjukkan kepada saintis dan jurutera betapa pentingnya menghapuskan kemudaratan dalam mencari kebaikan. Tidak ada konsep mengatakan kerana untuk kepentingan manusia segala-galanya adalah halal.


Idea kemudaratan, kesukaran dan kebaikan sewajarnya ditafsirkan mengikut panduan Islam dalam kaedah fiqh.

## 5. ADAT DIJADIKAN SEBAGAI

### RUJUKAN HUKUM

العادة محكمة

#### ADAT



Adat merupakan perkara yang menjadi kebiasaan yang diamalkan oleh manusia secara turun-temurun.

#### URUF

Uruf pula adalah perkara yang telah diketahui oleh masyarakat sehingga menjadi suatu kelaziman.


Uruf meliputi ucapan, perlakuan dan juga perkara yang tidak dilakukan.



Bagi menentukan hukum dalam sesuatu perkara atau masalah, adat dan uruf boleh dijadikan sumber rujukan dengan syarat tiada dalil syarak dalam hal tersebut.



Sekiranya terdapat dalil syarak dalam perkara tersebut, maka penggunaan Kaedah ini terbatal.



# 4 BAHAGIAN UTAMA ADAT ATAU URUF

## 2 ADAT KHUSUS

Merujuk kepada sesuatu yang digunakan dan difahami oleh masyarakat, wilayah atau kumpulan tertentu.

Contohnya, kesarjanaan merujuk kepada kepandaian dan kecerdasan seseorang.

## 3 ADAT SAHIH

Sesuatu adat yang tidak bertentangan dengan prinsip syariat atau nas syarak, tidak menghalalkan perkara yang haram, tidak membatalkan perkara yang wajib dan tidak menghapuskan kemaslahatan dalam syariat.


Contohnya, pemberian hantaran dalam perkahwinan tidak dianggap sebagai mas kahwin.

Contoh lain termasuk situasi di mana satu pihak, sama ada pembeli atau penjual yang melafazkan akad jual beli.

## 1 ADAT AM

Merujuk kepada kebiasaan yang diterima secara meluas sebagai sesuatu yang mempunyai makna tertentu.

Sebagai contoh, sembahyang merujuk kepada solat dalam konteks agama Islam, bukan kepada pengertian lain yang mungkin difahami oleh agama-agama lain.



## 4 ADAT FASID ATAU ROSAK

Sesuatu adat yang bertentangan atau bercanggah dengan prinsip syariat atau nas syarak, menghalalkan perkara yang haram, membatalkan perkara yang wajib dan menghapuskan kemaslahatan dalam syariat.

Contohnya menjual barang secara skim ansuran tetapi melebihi jumlah bayaran secara tunai.

# APLIKASI KAEADAH ADAT DIJADIKAN SEBAGAI RUJUKAN HUKUM



Kaedah ini mempunyai peranan yang sangat penting dalam pengurusan manusia. Penggunaan Kaedah ini dalam kajian sains, teknologi dan kejuruteraan digalakkan kerana sebagai sumber rujukan dalam proses membuat keputusan.

Penggunaan kaedah ini perlu berasaskan pemahaman yang mendalam tentang konsep adat dan uruf yang dijadikan sebagai rujukan hukum. Adat kebiasaan yang dianggap baik dan selaras dengan kehendak syarak atau tidak bertentangan dengan prinsip syariat harus dibincangkan dengan teliti sebelum memulakan sebarang operasi penyelidikan.



Adat kebiasaan yang diterima umum dan meluas tidak cukup menjadi asas untuk mencipta produk rekaan dan teknologi baharu jika kesan negatifnya lebih besar.

Asas utama dalam menerima adat sebagai rujukan hukum adalah untuk menghindari kemudaratan melebihi daripada menarik kemaslahatan untuk manusia



Para saintis, teknokrat dan jurutera perlu menjadikan nas syarak, prinsip-prinsip utama syariat dan tujuan-tujuan syariat sebagai asas utama dalam melakukan penyelidikan.


# Antara syarat utama Uruf atau Adat diterima:-

**01**

## Diamalkan secara konsisten

Amalan tersebut hendaklah menjadi sebuah kebiasaan atau budaya yang diterima secara meluas oleh masyarakat, dilaksanakan secara konsisten dan tidak mudah berubah dalam tempoh yang singkat.

Sebagai contoh, amalan membaca Yasin setiap malam jumaat.



## Tidak bercanggah dengan syarak

**02**

Amalan yang dianggap sebagai adat tersebut haruslah selaras dengan nas syarak dan tidak bertentangan dengan mana-mana prinsip syariat yang jelas dan pasti (qat'i).



**03**

## Tidak menyebabkan kemudaratan dan kesulitan

Jika sesuatu uruf berpotensi menyebabkan kemudaratan atau kesulitan dalam pengurusan kehidupan, maka uruf tersebut dianggap tidak sah.

Sebagai contoh, dahulu para ulama melarang pengambilan upah untuk mengajar al-Quran. namun dengan perubahan zaman, ulama kontemporari membenarkan pengambilan upah kerana perubahan keadaan uruf semasa.



# SOALAN LATIH TUBI


LINK GOOGLE FORM

<https://forms.gle/5MRH2FKVqR5bgZkp6>



ATAU SCAN QR CODE





## LATIHAN TOPIK


### JAWAB SEMUA SOALAN

1. Apakah maksud Kaedah Fiqh dari aspek bahasa?
2. Berikan 2 peranan kaedah Fiqh dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan Islam
3. Senaraikan 5 kaedah Fiqh
4. Apakah kaedah fiqh yang paling sesuai digunakan bagi masalah orang yang berpuasa di bulan ramadan tetapi tidak dapat diteruskan kerana kesakitan yang melampau?
5. Apakah kaedah fiqh yang paling sesuai digunakan dalam masalah keharusan seorang doktor lelaki memandang aurat wanita sekadar yang perlu untuk tujuan rawatan dengan syarat tiada doktor wanita yang boleh merawatnya?

TRAINING



**SCAN QR CODE (JAWAPAN)**




*Answer*

# LATIHAN WORDWALL

Kuiz  
BAB 5 STK (KAEDAH  
FIQH DALAM SAINS,  
TEKNOLOGI DAN  
KEJURUTERAAN)



Satu siri soalan  
pelbagai pilihan. Ketik  
jawapan yang betul  
untuk meneruskan.



Dikuasakan oleh Wordwall

# Penilaian Kendiri L1



## SOALAN 1

Apakah maksud kesukaran dalam konteks pelaksanaan kewajipan syarak menurut kaedah ini?



## SOALAN 2

Apakah contoh kesukaran yang boleh timbul dalam pelaksanaan ibadah dan bagaimana ia mempengaruhi perlaksanaan tersebut?



## SOALAN 3

Dalam situasi apakah seseorang dibenarkan untuk berbuka puasa di bulan Ramadan menurut kaedah kesukaran ini?



## SOALAN 4

Bagaimanakah kaedah kesukaran mempengaruhi pelaksanaan kewajipan syarak dalam hal ini?



## SOALAN 5

Mengapa penting untuk mempertimbangkan kesukaran dalam menentukan keringanan atau kelonggaran dalam kewajipan syarak?



## SOALAN 6

Apakah yang dimaksudkan dengan kemudaratan dalam konteks maqasid syariah menurut Islam?



## SOALAN 7

Bagaimana Islam melihat kemudaratan terhadap nyawa dan maruah dalam konteks perbuatan yang dilarang?



## SOALAN 8

Mengapa Islam mlarang tindak balas yang boleh membawa kepada kemudaratan? Apakah asas pertimbangannya?



## SOALAN 9

Bagaimanakah tahap kemudaratan ditentukan dalam perspektif Islam dan norma masyarakat?



## SOALAN 10


Jelaskan bagaimana kemudaratan terhadap alam sekitar boleh menjelaskan maqasid syariah dan nilai-nilai Islam.

# Maklum balas

## Penilaian


### Kendiri

#### L1




#### JAWAPAN 1

Maksud kesukaran dalam konteks ini merujuk kepada situasi kesukaran yang melampaui tahap kebiasaan manusia dalam melaksanakan kewajipan syarak.




#### JAWAPAN 3

Seseorang boleh dibenarkan untuk berbuka puasa di bulan Ramadan jika mengalami sakit yang melampaui atau diberi kelonggaran untuk tidak berpuasa.




#### JAWAPAN 5

Pertimbangan kesukaran penting untuk memastikan bahawa kewajipan syarak dilaksanakan dengan adil dan tidak membebankan individu yang menghadapi situasi yang melampaui, serta untuk memastikan ibadah tidak menyebabkan kesulitan atau kemudaratan.




#### JAWAPAN 7

Islam menganggap nyawa dan maruah sebagai dua perkara yang sangat penting dan tidak boleh dicabuli. Perbuatan yang membahayakan nyawa, seperti pembunuhan atau kemalangan yang disebabkan oleh kelalaian, adalah dilarang keras dalam Islam. Begitu juga, tindakan yang memalukan atau menghina maruah seseorang, seperti fitnah atau penipuan, dianggap sebagai kemudaratan yang perlu dijauhi.




#### JAWAPAN 2

Contoh kesukaran termasuk sakit yang melampaui yang boleh menyebabkan kesulitan atau kemudaratan dalam melaksanakan ibadah seperti puasa.




#### JAWAPAN 4

Kaedah kesukaran memberikan kelonggaran atau keringanan dalam pelaksanaan kewajipan syarak apabila menghadapi situasi yang melampaui dan boleh menimbulkan kesulitan atau kemudaratan.



#### JAWAPAN 6

Kemudaratan dalam konteks maqasid syariah merujuk kepada perkara-perkara yang boleh mendatangkan bahaya atau ancaman kepada lima perkara asas yang dilindungi oleh Islam: agama, nyawa, akal, maruah, keturunan, dan harta. Islam berusaha memastikan bahawa semua aspek ini tidak terganggu atau terjejas dan sebarang perbuatan yang boleh mengancam keselamatan atau kesejahteraan ini dianggap sebagai kemudaratan yang perlu dielakkan.



# Maklum balas Penilaian Kendiri L1



## JAWAPAN 8


Islam melarang tindak balas yang boleh membawa kepada kemudaran kerana prinsip asas dalam syariat adalah menjaga keamanan dan mencegah kekacauan. Tindak balas yang boleh mendatangkan bahaya tidak hanya menyelesaikan masalah tetapi boleh mencetuskan lebih banyak kemudaran, yang bertentangan dengan matlamat utama Islam untuk menjaga kesejahteraan umat dan masyarakat. Asas pertimbangannya adalah memastikan keselamatan dan keamanan yang berterusan bagi semua pihak yang terlibat.

## JAWAPAN 10

Kemudaran terhadap alam sekitar boleh menjelaskan maqasid syariah dan nilai-nilai Islam kerana alam sekitar merupakan sumber kehidupan dan kesejahteraan manusia. Kerosakan alam sekitar, seperti pencemaran atau pemusnahan sumber semula jadi, boleh memberi kesan buruk terhadap nyawa, harta, dan kesejahteraan umum. Islam mengajarkan tanggungjawab terhadap pemeliharaan alam sekitar sebagai sebahagian daripada amanah yang diberikan oleh Allah. Kerosakan kepada alam sekitar boleh mengancam keupayaan generasi akan datang untuk menikmati sumber yang sama, yang bertentangan dengan prinsip Islam untuk melindungi dan memelihara kehidupan dan sumber-sumbernya.

## JAWAPAN 9

Tahap kemudaran ditentukan dengan menilai kesan buruk sesuatu perbuatan dari perspektif syariah dan nilai-nilai sosial yang berlaku dalam masyarakat. Dalam Islam, penilaian ini berdasarkan kepada kesan terhadap lima maqasid syariah utama. Dalam konteks norma masyarakat, penilaian ini juga mengambil kira adat dan nilai-nilai setempat yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip syariat. Penilaian ini dilakukan untuk memastikan tindakan yang diambil adalah sesuai dengan prinsip keadilan dan kemaslahatan umum.



## Latihan L2

1. Apakah prinsip utama penggunaan kaedah rukhsah dalam bidang sains, teknologi, dan kejuruteraan?
  - a. Menjaga kepentingan peribadi
  - b. Mematuhi prinsip syariah dan kepentingan manusia sejagat
  - c. Mengutamakan keuntungan ekonomi
  - d. Memudahkan proses kajian tanpa syarat
2. Apakah syarat utama untuk menggunakan rukhsah dalam proses kajian dan penyelidikan?
  - a. Apabila tiada alternatif lain yang tersedia
  - b. Apabila tujuan yang sangat diperlukan terhalang oleh kesukaran
  - c. Apabila kajian memerlukan penyelesaian segera
  - d. Apabila terdapat keuntungan komersial
3. Adakah had penggunaan rukhsah dalam bidang sains, teknologi, dan kejuruteraan?
  - a. Had waktu yang tetap
  - b. Had berdasarkan tempoh kesukaran yang masih ada
  - c. Had bergantung pada kos kajian
  - d. Tiada had penggunaan sama sekali
4. Apakah keutamaan penggunaan kaedah rukhsah dalam bidang sains, teknologi, dan kejuruteraan?
  - a. Menyelesaikan masalah teknikal
  - b. Melibatkan maqasid syariah seperti agama, nyawa, akal, maruah, keturunan, dan harta
  - c. Mengurangkan kos penyelidikan
  - d. Meningkatkan prestasi individu
5. Apakah sikap yang dituntut daripada saintis dan jurutera ketika menggunakan rukhsah?
  - a. Keberanian untuk mencuba sesuatu yang baru
  - b. Kejujuran dan tanggungjawab dalam memastikan rukhsah digunakan untuk kebaikan dan menghilangkan kesukaran
  - c. Kepatuhan tanpa soal terhadap arahan
  - d. Kesediaan untuk menghadapi sebarang risiko

## Latihan L2

6. Apakah kesan utama kemajuan sains, teknologi, dan kejuruteraan terhadap taraf kehidupan manusia?

- a. Menjadikan kehidupan lebih sukar
- b. Meningkatkan taraf hidup dengan memudahkan kerja
- c. Mengurangkan keselesaan hidup
- d. Menyebabkan kerosakan alam sekitar

7. Apakah contoh kemajuan teknologi yang disebut dalam Kaedah Kemudaran Hendaklah Dihilangkan yang memudahkan perhubungan antara manusia?

- a. Kemajuan dalam bidang perubatan
- b. Sistem pengangkutan awam
- c. Telekomunikasi dan kemajuan ICT
- d. Penggunaan tenaga alternatif

8. Apakah kemudaran yang timbul daripada kemajuan teknologi komunikasi dan ICT?

- a. Peningkatan kualiti pendidikan
- b. Penurunan kadar jenayah
- c. Jenayah siber dan penyalahgunaan teknologi
- d. Meningkatkan kemahiran teknikal

9. Apakah yang perlu dilakukan untuk mengimbangi kemudahan yang diberikan oleh sains dan teknologi?

- a. Menggunakan teknologi untuk kesenangan dunia sahaja
- b. Mengabaikan penggunaan teknologi
- c. Menggunakan teknologi sebagai medium untuk meningkatkan amalan akhirat
- d. Membataskan penggunaan teknologi

10. Apakah yang dibimbangi berhubung dengan kemajuan sains dan teknologi dalam Kaedah Fiqh?

- a. Kemajuan sains dan teknologi hanya memberi kemudahan sementara
- b. Kemajuan sains dan teknologi mengurangkan kualiti hidup
- c. Kemajuan sains dan teknologi akan menyebabkan kemunduran
- d. Kemajuan sains dan teknologi akan menjadikan hubungan sosial

## Latihan L3

1. Apakah definisi adat menurut Kaedah di atas?

- a) Sesuatu yang ditetapkan oleh undang-undang negara
- b) Perkara yang menjadi kebiasaan yang diamalkan oleh manusia secara turun-temurun
- c) Peraturan yang dibuat oleh pemimpin masyarakat
- d) Perkara yang ditetapkan oleh agama

3. Apa yang perlu dilakukan jika terdapat dalil syarak dalam sesuatu perkara?

- a) Mengabaikan adat dan uruf
- b) Menggunakan adat sebagai rujukan utama
- c) Menggunakan uruf sebagai rujukan utama
- d) Mencari pandangan lain dari masyarakat

2. Apakah maksud uruf dalam konteks hukum?

- a) Perkara yang ditetapkan dalam kitab suci
- b) Peraturan yang dibuat oleh pihak berkuasa
- c) Perkara yang telah diketahui oleh masyarakat sehingga menjadi suatu kelaziman
- d) Tindakan undang-undang yang baru

4. Apakah ciri-ciri adat sahih?

- a) Bertentangan dengan prinsip syariat dan menghalalkan perkara haram
- b) Menghapuskan kemaslahatan dalam syariat dan membatalkan perkara wajib
- c) Tidak bertentangan dengan prinsip syariat dan tidak menghalalkan perkara yang haram
- d) Mengubah aturan yang telah ditetapkan oleh agama

## Latihan L3


5. Contoh apakah yang termasuk dalam adat fasid atau rosak?

- a) Memberi hantaran dalam perkahwinan
- b) Menjual barang dengan harga melebihi jumlah bayaran secara tunai
- c) Melafazkan akad jual beli
- d) Melakukan sembahyang

6. Apa yang dimaksudkan dengan adat am?

- a) Kebiasaan yang diterima secara meluas dengan makna tertentu
- b) Kebiasaan yang hanya berlaku dalam satu kawasan kecil
- c) Adat yang bertentangan dengan prinsip syariat
- d) Kegiatan yang ditetapkan oleh undang-undang negara

## Pengukuhan





## JAWAPAN


L2

- 1. B
- 2. B
- 3. B
- 4. B
- 5. B
- 6. B
- 7. C
- 8. C
- 9. C
- 10. A

## JAWAPAN.

L3

- 1. B
- 2. C
- 3. A
- 4. C
- 5. B
- 6. A



## RUJUKAN



Azhar, Alias, et al. "Implikasi isu-isu sains dan teknologi dalam pembangunan penyelidikan fatwa kontemporari." *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 2.1 (2016): 41-52.

Amni Haslinda Alpandi,Nurul Badriyah Ali, and Amirah Anuar. (2023)."Integrasi ilmu Al-Quran dan bidang kejuruteraan: kajian analisis terhadap manfaat air dalam meningkatkan pengeluaran minyak mentah." *Journal of Contemporary Islamic Studies* 9.1: 1-17.

Mohd Fauzi Hamat & Mohd Sobri Elias . 2010. Aspek-Aspek Pemikiran Kritis Dalam Al-Qawa'idAl-Fiqhiyyah. *Jurnal Syariah* (Jil. 18, Bil 3 (2010) hal.527-564).Kuala Lumpur: Universiti Malaya.


Man, S. (2022). *Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya*. Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, accessed May, 31.

Toha Andiko. 2014. *Pemberdayaan Qawâ'id Fiqhiyyah Dalam Penyelesaian Masalah-Masalah Fikih Siyasah Modern* . Al 'Adalah . Vol. XII, No.1 Juni 2014 (hal.103-118).Lampung:Faculty of Syariah State Islamic University of Raden Intan Lampung. file:///C:/Users/User/Downloads/178-791-1 PB%20(3).pdf[8Julai 2021].

Zulkifli Mohamad al- Bakri. 2015. *Bayan Linnas Siri Ke-35: Pendermaan Organ*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

Sharif Mohd Tahir dan Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. (2017)."Maqasid Shariah In Modern Foods: Maqasid Syariah Dalam Makanan Moden." *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 6.1 (2017): 10-18.


# RUJUKAN



- <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/5466-irsyad-usul-fiqh-siri-ke-70-pengamalan-pendapat-mazhab-atau-majoriti-fuqaha-di-malaysia>
- <https://www.pikiranmuslim.com/pengertian-fiqih-menurut-para-ulama/>
- [https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1816-pendermaan-organ8 Julai2021\].](https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1816-pendermaan-organ8 Julai2021].)
- <https://www.nasehatquran.com/2023/11/pengertian-fiqih-menurut-para-ulama.html>
- <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/3917-irsyad-usul-al-feqh-siri-ke-43-makna-dan-aplikasi-kaedah-keyakinan-tidak-hilang-dengan-syak>
- <https://www.wilayahku.com.my/keyakinan-tidak-hilang-dengan-syak/>
- <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/1439-irsyad-al-hadith-siri-ke-142-niat-seorang-mukmin-lebih-baik-daripada-amalannya>
- <https://bincangsyariah.com/kolom/tiga-tingkatan-ikhlas/>

KAEDAH FIQH DALAM SAINS TEKNOLOGI & KEJURUTERAAN DALAM ISLAM

e ISBN 978-629-7678-07-8



A standard linear barcode representing the ISBN 9786297678078. Below the barcode, the numbers 9 786297 678078 are printed.

9 786297 678078

POLITEKNIK MELAKA  
(online)